


**POLEMIK NEGARA ISLAM DI ANTARA UMNO DAN PAS  
DALAM POLITIK MALAYSIA 1973-2002**

**NADIANAH BINTI LAPIAMAN**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

**POLEMIK NEGARA ISLAM DI ANTARA UMNO DAN PAS  
DALAM POLITIK MALAYSIA 1973-2002**

**NADIANAH BINTI LAPIAMAN**



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2016**

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

IJAZAH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

**Catatan:**

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 September 2016

.....  
Nadianah Binti Lapiaman  
MA1211009t



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **NADIANAH BINTI LAPIAMAN**

NO. MATRIK : **MA1211009T**

TAJUK : **POLEMIK NEGARA ISLAM DI ANTARA UMNO DAN PAS DALAM POLITIK MALAYSIA 1973-2002**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **7 SEPTEMBER 2016**

 **DISAHKAN OLEH;**

**PENYELIA** Prof. Madya A. Rahman Tang Abdullah Tandatangan

**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

---

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana dengan limpah dan kurniaNYA dapatlah saya menyiapkan kajian ini meskipun pada mulanya menghadapi beberapa ujian dan cabaran. Segalanya dapat diharungi berkat dari rahmat dan pertolongan Allah S.W.T. Terima kasih juga kepada kedua orang tua saya yang telah membesarkan, mendidik dan mendoakan kejayaan saya sehingga kini. Sesungguhnya, doa dan sokongan mereka telah memberikan saya semangat untuk terus berusaha bagi menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut saya dedikasikan kepada Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah selaku penyelia saya yang telah banyak membantu dengan memberikan tunjuk ajar, nasihat dan buah fikiran disepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan para pensyarah program Sejarah iaitu Prof. Madya Dr. Bilcher Bala, Dr. Maureen De Selva, Dr. Mohd Syafie Rahim, En. Mohd Shaukhi Mohd Radzi, En. Baszley Bee Basrah Bee dan En. Mosli Tarsat. Terima kasih saya ucapkan di atas dorongan dan komen membina yang telah diberikan. Seterusnya, terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang selama ini sedia berkongsi ilmu dan telah banyak membantu di dalam menyiapkan kajian ini.


Diharap kajian ini dapat memberi manfaat ilmu kepada sesiapa yang membacanya dan seterusnya dapat membantu kepada pengkaji lain dimasa hadapan.

Nadianah Lapiaman  
19 September 2016



## ABSTRAK

Kajian ini meneliti isu yang menjurus kepada persoalan Negara Islam yang menjadi polemik antara UMNO dan PAS dalam politik Malaysia 1973-2002. Perjuangan ke arah negara Islam telah bermula sebelum kemerdekaan lagi dan isu tersebut bersifat konsisten dalam politik Malaysia di antara UMNO dan PAS. Perdebatan mengenai negara Islam ini adalah disebabkan oleh perbezaan pemahaman dan pendekatan kedua-dua parti ini berkenaan dengan konsep negara Islam yang ingin diaplikasikan di Malaysia sebagai sebuah negara Islam. UMNO lebih memberi penekanan untuk mempraktikkan Islam dalam segenap pembangunan Islamisasi di Malaysia ke arah negara Islam yang maju. Manakala, PAS bukan sahaja merujuk kepada pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam bahkan perundangan Islam perlu didaulatkan seperti mana yang telah diasaskan oleh Rasulullah sehinggakan PAS memperkenalkan Enakmen Jenayah Syariah Kelantan 1993 dan Enakmen Jenayah Syariah Terengganu 2002 namun telah gagal. Kegagalan ini akhirnya membawa kepada perdebatan antara UMNO dan PAS dalam politik Malaysia yang tiada berkesudahan sehingga kini. PAS bukan sahaja merujuk pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam tetapi juga berusaha untuk memperjuangkan undang-undang Islam.



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **ISLAMIC STATE DEBATE BETWEEN UMNO AND PAS IN MALAYSIAN POLITICS FROM 1973-2002**

*This research is a study that examines the Polemic of Islamic State between UMNO and PAS in Malaysian politics from 1973 to 2002. The struggle towards the Islamic State has begun before independence and is consistent in Malaysian politics between UMNO and PAS. The debates concerning Islamic State are due to differences of understanding and the approaches of both parties towards the concept and idea of Islamic State to be applied in Malaysia. UMNO put more emphasis on practices of Islam in the form of Islamisation towards progressive Islamic nation. Meanwhile, PAS is not only referring to the declaration of Malaysia as an Islamic State, but also they even stress on the enhance the sovereignty of Islamic Law, as it has been established by the Prophet (PBUH) until PAS introduces Kelantan Syariah Criminal Enactment 1993 and Terengganu Syariah Criminal Enactment 2002 but has failed. These failures eventually led to an endless debate between UMNO and PAS in Malaysian Politics until now. PAS not only referring the declaration of Malaysia as an Islamic state but also seeking to pursue the Islamic laws.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Sorotan Literatur	6
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Skop Kajian	18
1.7 Kaedah Kajian	18
1.8 Pembahagian Bab	19
1.9 Kesimpulan	21
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG POLITIK ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM 1973</b>	
2.1 Pengenalan	23
2.2 Latar Belakang Politik di Tanah Melayu 1945-1955	24

2.3	Perkembangan Politik Islam Di Tanah Melayu 1948-1957	29
2.3.1	Hizbul Muslimin (HAMIM) 1948	30
2.3.2	Parti Islam Se-Tanah Melayu 1951	33
2.3.3	Politik Islam PAS dan Perjuangan Ke arah Kemerdekaan 1957	38
2.4	Perkembangan Politik Islam di Tanah Melayu 1957-1973	41
2.4.1	Perkembangan Politik Islam 1957-1959	42
2.4.2	Perkembangan Politik Islam 1959-1964	48
2.4.3	Perkembangan Politik Islam 1964-1969	52
2.4.4	Perkembangan Politik Islam 1969-1973	54
2.5	Kesimpulan	59
<b>BAB 3: NEGARA ISLAM DALAM POLITIK MALAYSIA 1973-1982</b>		
3.1	Pengenalan	61
3.2	Konsep Negara Islam	62
3.2.1	Ciri-Ciri Negara Islam	71
3.3	Kebangkitan Islam Di Malaysia 1970an	75
3.3.1	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	76
3.3.2	Anwar Ibrahim dan Idea Islamisasi	78
3.4	Perkembangan Politik Malaysia 1973-1982.	82
3.5	Kesimpulan	88
<b>BAB 4: USAHA UMNO DAN PAS KE ARAH NEGARA ISLAM 1982-1993</b>		
4.1	Pengenalan	89
4.2	Usaha-Usaha UMNO	90
4.2.1	Idea Islamisasi Dr. Mahathir	91

4.2.2 Penerapan Nilai-Nilai Islam	94
4.2.3 Kawalan Media	97
4.2.4 Pembangunan Institusi-Institusi Islam	99
4.2.5 Dasar Luar Negara	104
4.3 Usaha-Usaha PAS	106
4.3.1 Desakan dan Kritikan Kepada Pihak Kerajaan	107
4.3.2 Penerangan Negara Islam	118
4.4 Kesimpulan	122
<b>BAB 5: ISU NEGARA ISLAM SELEPAS 1993</b>	
5.1 Pengenalan	124
5.2 Isu Negara Islam Selepas 1993	125
5.3 Reaksi Orang Bukan Islam Terhadap Negara Islam Di Malaysia	140
5.3.1 Penentangan Negara Islam di Malaysia	141
5.3.2 Penerimaan Negara Islam Di Malaysia	149
5.4 Kesimpulan	153
<b>BAB 6: RUMUSAN</b>	155
<b>BIBLIOGRAFI</b>	165

## SENARAI SINGKATAN

<b>PKMM</b>	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
<b>HAMIM</b>	-	Hizbul Muslimin
<b>MATA</b>	-	Majlis Agama Tertinggi
<b>PKM</b>	-	Parti Komunis Malaya
<b>PAS</b>	-	Parti Islam SeMalaysia
<b>UMNO</b>	-	United Malays National Organisation
<b>BN</b>	-	Barisan Nasional
<b>MCA</b>	-	Malayan Chinese Association
<b>MIC</b>	-	Malayan Indian Congress
<b>IMP</b>	-	Independence of Malaya Party
<b>ABIM</b>	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
<b>UIA</b>	-	Universiti Islam Antarabangsa
<b>JAKIM</b>	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<b>OIC</b>	-	Pertubuhan Persidangan Islam
<b>APU</b>	-	Angkatan Perpaduan Ummah

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang

Negara Islam merujuk kepada satu istilah Arab iaitu 'Darul-Islam' yang sering kali menjadi wacana di dalam politik masyarakat Islam sedunia. Wacana ini menjadi semakin diperkatakan secara lebih serius setelah berlakunya perkembangan dalam pemikiran politik masyarakat Islam kesan dari fenomena kebangkitan Islam pada abad ke-20. Secara umumnya, negara Islam merujuk kepada sesebuah negara yang diperintah oleh orang Islam dan negara tersebut mendokong serta mengamalkan prinsip pemerintahan Islam yang berasaskan kepada hukum Syari'ah. Secara praktikalnya pula, majoriti penduduk bagi sesebuah negara Islam adalah terdiri daripada masyarakat yang beragama Islam. Manakala, dari sudut sejarahnya pula, negara Islam yang pertama ialah ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W yang berpusat di Madinah al-Munawarah (622M) iaitu setelah berlakunya peristiwa penghijrahan dari Makkah ke Madinah.<sup>1</sup> Negara Islam Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah ini telah diperintah menerusi undang-undang Syariah Islam.

Setelah itu, perkara ini diteruskan melalui sistem pemerintahan Khalifah dan kemudiannya turut dijalankan ketika dibawah pemerintahan dinasti sehinggalah abad ke-20 rentetan dari pembubaran Empayar Kerajaan Othmaniyah di Turki oleh Mustafa Kamal Antartuk pada tahun 1924. Kesannya, Turki menjadi sebuah negara republik yang memansuhkan penguasaannya ke atas kesemua bekas wilayah luar Turki yang sebelum ini berada dibawah kekuasaan Kerajaan Othmaniyah.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> H.A Fuad Said, *Ketatanegaraan Menurut Syari'at Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 13. Lihat juga, Hussin Mutalib, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Singapore: Singapore University Press, 1993, hlm. 49. Keterangan lanjut, rujuk Muhamad S. El-Awa, *Sistem politik Negara Islam*, (terj)., Mohd Isa Che Dir, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 1-2.

<sup>2</sup> (T.n.p), *Detik-Detik Hidupku...Hasan Al-Banna*, Terj., Wan Jaffree bin Wan Sulaiman, Kuala Lumpur:

Penguasaan pada ketika itu dikuasai oleh penjajahan barat yang telah bertindak untuk menggantikan segala sistem yang ada kepada sistem mereka sendiri termasuklah dengan menolak undang-undang Syariah.

Sebagai reaksi serta-merta rentetan dari berakhirnya pemerintahan Islam tersebut, maka lahirlah gerakan Khilafat (golongan yang menjadi penerus kepada tugas nabi) yang ingin menghidupkan dan mengembalikan semula sistem Khalifah yang hegemoninya diaplikasikan kepada seluruh Umat Islam di bawah satu kepimpinan. Namun begitu, secara praktiknya usaha pengwujudan semula sistem Khalifah ini dilihat tidak lagi realistik pada abad ke-20 kerana sistem itu sebenarnya telah dihapuskan oleh pihak penguasa dari kalangan orang Islam itu sendiri iaitu dengan merujuk kepada tindakan yang di ambil oleh Mustafa Kamal Attartuk. Lagi pula beliau tidak percaya bahawa sistem itu masih relevan untuk diaplikasikan kerana beliau lebih cenderung kepada ideologi dan orientasi "Negara Bangsa" ataupun "Nation State" yang dipelopori oleh sistem pemerintahan barat pada ketika itu. Maksudnya disini pengwujudan sebuah empayar politik Islam yang dipimpin di bawah satu kepimpinan kekuasaan yang tunggal adalah tidak begitu relevan lagi untuk dijalankan pada ketika itu.<sup>3</sup>

Malah, hal ini diperkukuhkan lagi menerusi fenomena semasa pada ketika itu yang memberikan gambaran jelas bahawa majoriti daripada umat Islam tidak akan mencapai kesepakatan dalam memberikan ketaatan dan kesetiaan Bai'ah (ikrar) kepada seseorang individu tertentu sebagai seorang khalifah. Oleh yang demikian, telah wujud gerakan Islam yang cuba untuk mengembalikan semula sistem pemerintahan Islam seperti sebelumnya. Kerangka politik yang lebih realistik untuk mencapai matlamat ini ialah dengan menubuhkan Negara Islam. Konsep Negara Islam ataupun 'Darul-Islam' yang juga dikenali sebagai *Islamic State* sebenarnya

---

Pustaka Salam, 1989, hlm. 26-28.

<sup>3</sup> Beliau menyatakan bahawa, khalifah hanya akan mengancam kedaulatan nasional republik yang baru terbina. Lagi pula, penyokong kepada reformasi Mustafa Kemal menganggap bahawa khalifah tidak boleh ataupun mungkin dijadikan sebagai ketua agama kerana institusi khalifah pun bukanlah sesuatu yang benar-benar Islam. Abdullahi Ahmed An-Naim, *Islam dan Negara Sekular Menegosiasikan Masa Depan Syari'ah*, Bandung: Penerbit Mizan PT Mizan Pustaka, 2007, hlm. 359-362.

telah dipelopori oleh Rashid Ridha iaitu ketua pengarang Al-Manar di Mesir.<sup>4</sup> Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa setelah keruntuhan empayar Othmaniyah bermulalah seruan terhadap pihak pemerintah di sesebuah negara agar melaksanakan sistem pemerintahan Islam yang melaksanakan hukum Shari'ah dan memperluaskan ajaran Islam yang sebenarnya dalam kehidupan masyarakat Islam.

Meskipun begitu, perjuangan ke arah negara Islam telah mendapat tentangan yang hebat di dunia Islam. Tambahan pula gerakan Islam yang dikaitkan dengan wacana Negara Islam ini lebih berorientasikan kepada anti-kolonialisme di mana ia juga sering kali dikaitkan dengan Nasionalisme yang menuntut kemerdekaan dicapai bagi sesebuah wilayah tersebut. Seterusnya setelah mencapai kemerdekaan pula, idea Negara Islam ini diteruskan dengan idea anti-sekularisme yang ditujukan kepada pihak pemerintah Islam. Hal ini disebabkan oleh pihak pemerintah yang dikatakan meneruskan kesinambungan idea dari sistem pemerintahan kolonialisme barat suatu ketika dahulu. Di Malaysia, idea ini jelas terpapar di dalam wacana PAS (Parti Islam Se-Malaya/Malaysia) terhadap UMNO (*United National Malay Organisation*) yang telah mengepalai kerajaan Perikatan dalam tempoh 1950an dan 1960an sehinggalah tahun-tahun sebelum awal dekad 1970an.<sup>5</sup> Sungguhpun begitu, perjuangan isu negara Islam ini tidaklah begitu diketengahkan dalam politik Malaysia pada waktu tersebut.

Walau bagaimanapun, selepas kebangkitan Islam yang berlaku pada tahun 1970an perubahan berlaku apabila perjuangan berasaskan Islam semakin berkembang dan menjadi tumpuan terutamanya oleh masyarakat Islam dalam politik Malaysia. Malah, masyarakat Melayu dilihat bersatu di dalam membuat tuntutan politik mereka.<sup>6</sup> Ketika ini perjuangan ke arah Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam begitu menarik

---

<sup>4</sup> Abdul Aziz, *Chieftdom Madinah Salah Faham Negara Islam*, Jakarta Timur: Puataka Alvabet dan Lembaga Kajian Islam & Perdamaian (LaKIP), 2011, hlm. 98-99.

<sup>5</sup> Ismail Said, *Menegak Agama Membela Bangsa: Perjuangan PAS 1951-1970*, Buku Harakah, Kuala Lumpur: 2011.

<sup>6</sup> Kamarulnizam Abdullah, *The politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 55.

perhatian kedua-dua parti politik ini sehingga membawa kepada perdebatan di awal kebangkitan semula Islam di Malaysia sehinggalah tahun 1990an.

Senario di atas secara tidak langsung telah merancakkan lagi persoalan perbezaan dalam aspek berkenaan pendekatan dan pemahaman di antara UMNO dan PAS mengenai isu Negara Islam. Akibatnya, telah timbul banyak persoalan berhubung perkara ini dalam kalangan masyarakat Malaysia. Maka tidak hairanlah sekiranya polemik Negara Islam dalam politik Malaysia begitu relevan untuk dikaji.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Wacana negara Islam di dalam politik Malaysia sememangnya bukanlah perkara yang baru. Di Malaysia, wacana negara Islam telah bermula sejak sebelum kemerdekaan lagi iaitu menerusi usaha PAS yang ingin mewujudkan masyarakat Islam sepenuhnya. Namun pada ketika itu perjuangan ke arah matlamat tersebut tidak begitu ditekankan kerana usaha lebih tertumpu ke arah mencapai kemerdekaan. Setelah kemerdekaan dicapai, usaha ke arah menegakkan negara Islam masih diteruskan oleh PAS secara terbuka melalui perjuangan politik mereka namun mendapat tentangan dari UMNO yang jelas berbeza perjuangannya dengan PAS. Sungguhpun begitu, kebangkitan Islam yang berlaku di Timur Tengah telah menular ke Malaysia dan membawa kepada perubahan di dalam politik Malaysia itu sendiri. Hal ini jelas apabila wujudnya tuntutan untuk mendirikan negara Islam di kalangan orang Islam. Rentetan itu, UMNO dilihat mulai berubah dan memberikan tumpuan mereka terhadap Islam. PAS pula konsisten dengan perjuangan negara Islam mereka. Pada tahun 1973, PAS telah bersatu di dalam BN meskipun sebelumnya kedua-dua parti politik ini saling bermusuhan. Namun begitu, penyatuan tersebut tidak kekal lama dan kedua-dua parti ini meneruskan perjuangan mereka masing-masing dan saling bersaing ke arah yang lebih Islam.

Sehubungan itu, UMNO dan PAS saling bidas-membidas di antara satu dengan yang lain. Islam dijadikan mekanisme dalam perjuangan berpolitik dan isu yang sering-kali dikemukakan adalah mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Hal ini jelas dilihat di dalam Dewan Parlimen Negara apabila perwakilan



daripada UMNO dan PAS saling berdebat mempertahankan idea, usaha dan perspektif mereka berkenaan dengan negara Islam. UMNO dan PAS melihat status Malaysia sebagai sebuah negara Islam dari perspektif yang begitu bertentangan di antara satu dengan yang lain. Di sini, PAS dilihat lebih mendokong idea dan konsep Negara Islam yang dikatakan sempit dengan merujuk kepada negara Islam Madinah yang diperintah dengan undang-undang Syariah sehingga mereka menyetujui Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993. Sebaliknya UMNO dilihat lebih toleran dengan menekankan pembangunan Islamisasi seperti unsur-unsur penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan tanpa merujuk secara eksklusif kepada idea dan konsep tersebut. Isu ini berlarutan sehinggakan persekitaran politik Malaysia pada ketika itu menjadi begitu kompleks kesan dari polemik negara Islam ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persoalan yang dikaitkan dengan polemik negara Islam di antara UMNO dan PAS dalam konteks politik Malaysia 1973-2002.

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah dibentuk dan di antara persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah isu Negara Islam didefinisikan dalam konteks Malaysia dan menjadi satu polemik yang eksklusif dalam konteks politik Malaysia hasil daripada kebangkitan Islam pada dekad 1970an?
- ii. Apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kedua-dua parti ini untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam pada tahun 1982-1993?
- iii. Sejauh manakah perbezaan sudut perspektif parti UMNO dan PAS yang terlibat dalam polemik negara Islam sehingga menimbulkan reaksi orang bukan Islam terhadap konsep negara Islam yang diperjuangkan selepas tahun 1993?

### **1.3 Objektif Kajian**

Untuk menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk seperti di atas, maka kajian ini telah menggariskan beberapa objektif seperti berikut:

- i. Membincangkan konsep Negara Islam dan aplikasinya dalam konteks politik Malaysia hasil dari kebangkitan Islam pada dekad 1970an.
- ii. Menganalisis usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kedua-dua parti ini untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam mengikut perspektif PAS dan UMNO pada tahun 1982-1993.
- iii. Membincangkan perbezaan sudut perspektif parti UMNO dan PAS yang terlibat dalam polemik negara Islam sehingga menimbulkan reaksi orang bukan Islam terhadap konsep negara Islam selepas tahun 1993.

#### **1.4 Sorotan Literatur**

Penulisan mengenai polemik Negara Islam tidak begitu banyak ditulis. Apatah lagi, apabila mengaitkannya dengan persekitaran politik di Malaysia. Namun begitu, terdapat penulisan dan penyelidikan yang dijalankan oleh sarjana-sarjana tempatan dan bukan tempatan mengenai isu negara Islam di Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk menyorot kajian-kajian tersebut untuk mengetahui dan seterusnya membantu di dalam menyiapkan penyelidikan "Polemik Negara Islam Di Antara UMNO dan PAS dalam Politik Malaysia 1973-2002". Penelitian terhadap kajian-kajian lepas ini juga dijalankan bagi membolehkan penambahan fakta dan maklumat kajian di samping mengenal pasti ruang ataupun kekurangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas.

Muhammad Abu Bakar dalam buku beliau yang bertajuk *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa* membincangkan perihal kebangkitan Islam yang berlaku di Malaysia. Persoalan-persoalan yang ada kaitannya dengan kebangkitan Islam dan pengaruhnya kepada politik Malaysia banyak diketengahkan di dalam penulisan ini. Dalam bab tujuh buku ini menjelaskan bahawa kebangkitan Islam dalam kalangan masyarakat telah menyebabkan komuniti Melayu lantang menyuarakan permintaan mereka mengenai Islam seperti penerapan undang-undang Syariah secara menyeluruh. Hal ini adalah bertentangan dengan perjuangan UMNO yang berlunaskan nasionalisme dan sedar ia perlu diambil kira agar survival parti politik UMNO dapat dikekalkan. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan dan mengekang sokongan orang Melayu terhadap

parti PAS yang sememangnya mendapat kelebihan politik daripada kebangkitan Islam ini.<sup>7</sup> Sungguhpun begitu, buku ini cuma memberikan gambaran sepintas lalu akan kebangkitan Islam dan kaitannya dengan idea awal pengwujudan negara Islam di Malaysia ke dunia realiti.

Kajian lain yang menarik untuk disorot adalah nukilan Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Kajian ini signifikan digunakan secara keseluruhannya kerana ia mencakupi juga tentang fenomena kebangkitan Islam di Malaysia yang berlaku sekitar 1970an hinggalah 1990an dengan panjang lebar. Di dalam buku ini, Chandra mengetengahkan tentang masalah dan tindak balas yang berlaku rentetan dari kebangkitan Islam. PAS dikatakan mengubah haluan parti untuk mengadakan hubungan dengan orang bukan Islam agar beroleh sokongan bagi memungkinkan matlamat untuk menubuhkan negara Islam dicapai. Hal ini dilakukan kerana orang bukan Melayu/Islam dikatakan takut akan negara Islam dan hal inilah yang perlu diperjelaskan oleh PAS melalui hubungan baik dengan parti bukan Melayu. Bahkan, faktor kesamarataan yang diinginkan oleh orang bukan Melayu menyumbang kepada negara Islam di Malaysia tidak diterima oleh mereka.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun, buku ini tidak jelas tentang sejauh mana reaksi sebenar orang bukan Islam terhadap negara Islam.

Selanjutnya, *Contemporary Political Dimensions of Islam* merupakan hasil kajian Deliar Noer yang terkandung dalam buku *Islam in Southeast Asia*. Ia merupakan bab ke tujuh yang satu-satunya membincangkan status Islam terkini di negara seperti Indonesia, Malaysia, Filipina dan juga Thailand. Kajian menyatakan bahawa kedudukan Islam dalam politik Malaysia sering kali menjadi pertikaian di antara UMNO dan PAS. Segala bentuk pembaharuan Islam yang digalakkan oleh UMNO ataupun kerajaan tetap membawa kepada rasa tidak puas hati daripada pihak PAS dan pertubuhan lainnya. Hal ini kerana keinginan kerajaan untuk membataskan Islam dalam aspek spritual, ritual dan simbol sahaja. Sedangkan, PAS

---

<sup>7</sup> Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 151-157.

<sup>8</sup> Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1988, hlm. 110-119

dan pemimpin Islam yang lain, berkeinginan untuk menubuhkan sebuah negara Islam yang di dalamnya dilaksanakan Islam disegenap kehidupan masyarakat Islam dan tidak semestinya dipimpin oleh golongan ulama.<sup>9</sup> Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan secara kronologi perbahasan tentang negara Islam oleh kedua-dua parti ini kerana ia tidak dilakukan oleh Deliar Noer.

Selain itu, satu lagi penyorotan buku secara menyeluruh kandungannya dilakukan terhadap *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Buku tulisan Hussin Mutalib ini merupakan gambaran penulis mengenai kebangkitan Islam yang berlaku di dunia Islam dan kesannya kepada Malaysia yang memungkinkan kepada penubuhan negara Islam. Penulis menekuni bahawa politik Malaysia telah berubah rentetan dari kebangkitan Islam yang berlaku sehingga wujud pandangan tertentu dalam pembentukan negara Islam. Segala bentuk perubahan ini dikaitkan dengan keadaan hidup dan budaya masyarakat Melayu, Peristiwa 13 Mei 1969, penglibatan Dr. Mahathir dalam politik sebagai Perdana Menteri Malaysia, perkembangan kegiatan dakwah dan kepimpinan PAS yang baru.<sup>10</sup> Namun, buku ini tidak menggunakan pendekatan sejarah malah tidak ditulis mengikut kronologi dalam menyusun perkembangan politik Islam dan lebih mengetengahkan kebarangkalian tertentu Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Dengan itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan sejarah dan membincangkan polemik negara Islam secara telus bagi menghasilkan kajian yang lebih unik dari buku ini.

Di samping itu juga, suntingan Wan Hashim Wan Teh membincangkan perjalanan parti UMNO dari awal penubuhannya sehingga berlakunya krisis dan juga pengejalan perjuangan kebangsaannya sebagai sebuah parti politik. Manakala kajian Ibrahim Abu Bakar pula merupakan salah satu bab dalam kajian ini yang menerangkan perbandingan politik agama di antara PAS dan juga UMNO. Menariknya kajian ini ada membincangkan isu negara Islam dalam politik Malaysia.

---

<sup>9</sup> Noer. D., Contemporary Political Dimensions of Islam, dalam *Islam in Southeast Asia* (ed.) M.B. Hooker, South-East Asia: British Institute, 1988, hlm. 200-204.

<sup>10</sup> Hussin Mutalib, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Singapore: Singapore University Press, 1993, hlm. 17.

Jelas dinyatakan bahawa Malaysia bukanlah negara Islam bagi pandangan PAS selagi sistem pemerintahan khilafah tidak ditegakkan. Manakala, UMNO pula bertindak untuk tetap mempertahankan apa yang telah sedia termaktub dalam Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-Negeri dan Raja Perlembagaan.<sup>11</sup> Walaupun begitu, Ibrahim Abu Bakar dalam penulisan ini lebih banyak mempersoalkan pendekatan yang dilakukan oleh PAS berbanding UMNO. Oleh sebab itu, kajian ini cuba untuk memberikan gambaran yang objektif dan rasional serta tidak melihat isu ini dari sudut pandangan pihak tertentu sahaja.

Menurut Ahmad Mohamed Ibrahim dalam bukunya bertajuk *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia* pula menerangkan kewujudan perundangan Islam dalam pentadbiran negara sejak sebelum kedatangan penjajah sehinggalah kemerdekaan dicapai dalam karyanya. Kedudukan perundangan Islam dan perkembangannya dalam Perlembagaan Malaysia diperincikan oleh beliau. Menariknya di dalam penulisan ini, beliau memperlihatkan betapa pentingnya untuk mengembalikan semula kedudukan perundangan Islam yang memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat seperti sebelum kedatangan pihak penjajah. Beliau turut mencadangkan agar suatu fasal baru dalam perlembagaan dilakukan iaitu apapun undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam akan terbatal setakat mana ia bertentangan.<sup>12</sup> Namun begitu, penulisan ini tidak membincangkan mengenai perjuangan negara Islam dalam politik Malaysia khususnya di antara UMNO dan PAS sehinggalah membawa kepada polemik. Oleh yang demikian, penyelidikan ini akan mengetengahkan usaha-usaha UMNO dan PAS ke arah negara Islam dalam politik Malaysia.

*Islamic Law in Malaysia Issues And Developments* karya Mohammad Hashim Kamali membincangkan tentang perundangan Islam di Malaysia. Mohammad Hashim Kamali mengetengahkan pelbagai isu yang dikaitkan dengan perundangan Islam di Malaysia. Salah satu darinya adalah isu hukum hudud yang telah

---

<sup>11</sup> Ibrahim Abu Bakar, *Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO*, dalam Wan Hashim Wan Teh, *UMNO dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd, 1993, hlm. 102-115.

<sup>12</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undangn Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM, 1997, hlm. 3-10.

menyebabkan politik Malaysia menjadi kompleks kesan dari pertentangan di antara UMNO dan PAS. Penulis menjelaskan bahawa pihak Kerajaan tidak membiarkan pihak PAS untuk mengimplimentasikan hukum hudud kerana ia membawa kepada diskriminasi dan ketidakadilan dalam menjatuhkan hukuman dalam masyarakat Malaysia. Malah, ini turut akan merosakkan imej Islam itu.<sup>13</sup> Namun, penulisan ini tidak menjelaskan kepentingan hukum hudud di dalam sesebuah negara Islam seperti Malaysia meskipun penduduknya terdiri dari masyarakat majmuk. Adalah menjadi kelebihan kepada kajian ini untuk menjelaskan tentang pentingnya perundangan Syariah termasuklah hukum hudud dalam sesebuah pentadbiran negara.

Isu sama turut diperhalusi dalam Kamarulzaman Haji Yusoff dalam karya bertajuk *Benarkah Malaysia Negara Islam?: 50 Dr. Falsafah lwn 5 Dr. Falsafah Lain*. Buku ini merupakan satu lagi karya yang dirujuk sepenuhnya oleh pengkaji kerana ada kaitannya dengan kajian ini. Karya ini jelas membahaskan mengenai isu sama ada Malaysia dapat dikatakan sebagai sebuah negara Islam mahupun tidak khususnya dalam bab satu. Keseluruhan dari pendapat yang terkandung di dalam buku ini mengatakan bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara Islam. Salah satunya kerana undang-undang Islam tidak dilaksanakan. Pernyataan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang terkandung dalam perlembagaan tidak cukup untuk mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ini kerana Islam terhad pelaksanaan di Malaysia sebagai simbol dan upacara sahaja dalam Persekutuan.<sup>14</sup> Sungguhpun begitu, karya ini tidak pula mengetengahkan pertikaian yang berlaku di antara UMNO dan PAS mengenai isu Malaysia sebagai negara Islam secara telus. Kajian ini akan menganalisis perdebatan UMNO dan PAS merangkumi pemahaman dan pendekatan kedua-duanya mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

---

<sup>13</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Islamic Law in Malaysia Issues And Developments*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2000, hlm. 128-132.

<sup>14</sup> Kamarulzaman Haji Yusoff, *Benarkah Malaysia Negara Islam?: 50 Dr. Falsafah lwn 5 Dr. Falsafah Lain*, Kota Bharu, Pustaka Qamar, 2002, hlm. 59.

Perbahasan yang sama juga diperkatakan oleh Kamarulnizam Abdullah dalam buku beliau *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Kamarulnizam membincangkan perjuangan politik UMNO dan PAS serta gerakan dakwah seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dan pertubuhan Darul-Arqam dalam politik dan keseluruhan kandungan buku ini ada perkaitannya dengan kajian ini. Beliau melakukan penelitian dengan menganalisis perbezaan ideologi dan pendekatan yang digunakan oleh dua parti Melayu iaitu UMNO dan PAS berkaitan negara Islam. Timbul persoalan sama ada negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Hudud hanyalah sebuah retorik ataupun realiti sebenar politik yang ingin diperjuangkan kerana isu konsep negara Islam dapat menaikkan imej PAS sebagai parti yang lebih Islam dari UMNO.<sup>15</sup> Oleh itu, kajian ini akan menganalisis sudut pandangan kedua-dua parti tentang perihal negara Islam.

Setelah itu, Riduan M.Nor pula di dalam bukunya bertajuk *Mengenggam Bara Menelusuri Perjuangan 50 Tahun Dewan Pemuda PAS Pusat dan Kezaliman ISA* membincangkan mengenai sejarah perjuangan Dewan Pemuda PAS Pusat. Segala perkembangan mahupun cabaran yang dihadapi oleh Dewan Pemuda PAS Pusat termasuklah jatuh bangunnya PAS menerusi para pemimpinnya yang sering kali menerima tuduhan ISA turut diperjelaskan dalam buku ini. Walaupun begitu, di awal bab buku ini (bab satu) ada dibicarakan mengenai cita-cita PAS yang ingin mendaulahkan Islam di negara ini (Malaysia). Matlamat PAS ini terkandung di dalam Gerakan SPEM yang telah dilancarkan oleh Dewan Pemuda PAS dan cita-cita ini mendapat sokongan daripada gerakan Islam yang lain untuk menegakkan negara Islam.<sup>16</sup> Akan tetapi, buku ini tidak membincangkan mengenai polemik yang berlaku di antara parti PAS dan UMNO mengenai isu ini. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada bagaimana kedua-dua parti ini mempertahankan kedudukan politik dan perspektif mereka mengenai Negara Islam sehingga menjadi polemik dalam politik Malaysia.

---

<sup>15</sup> Kamarulnizam Abdullah, *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 141-146.

<sup>16</sup> Riduan M. Nor, *Mengenggam Bara Menelusuri Perjuangan 50 Tahun Dewan Pemuda PAS Pusat dan Kezaliman ISA*, (t.p.), 2003, hlm. 11.

Seterusnya, berbeza dengan kajian beliau di atas Riduan Mohd.Nor melalui kajian bertajuk *Pengaruh Pemikiran Ikhwanul Muslimin Terhadap Parti Islam Se-Malaya (PAS)* mengkaji pula berkaitan dengan pengaruh gerakan Islam terbesar di dunia Islam iaitu Ikhwanul Muslimin dalam perjuangan parti Islam PAS. Secara spesifiknya dalam bab tiga dan empat beliau menyatakan bahawa Ikhwanul Muslimin sememangnya mempengaruhi PAS. Namun pengaruh tersebut hanya begitu ketara setelah berlakunya perubahan besar dalam PAS apabila kepimpinan ulama diperkenalkan pada tahun 1982 bersama-sama dengan pelaksanaan Majlis Syura Ulama. Malah, perhatian PAS yang kurang terhadap Islam berbanding dengan isu bangsa Melayu dilihat berubah kepada perjuangan Islam yang syumul dalam segenap aspek kehidupan. Malah, corak pemerintahan secara Islam sepertimana yang menjadi matlamat PAS iaitu ingin menegakkan negara Islam di Malaysia terus menerus diperjuangkan.<sup>17</sup> Namun, buku ini tidak memberi penerangan terhadap struktur negara Islam yang bagaimana diperjuangkan oleh politik Islam PAS.

Dalam *Islam in Southeast Asia: Political Sosial and Strategic Challenges for the 21st Century* terdapat satu bab yang ditulis oleh Shad Saleem Faruqi iaitu *The Malaysian Constitution the Islamic State and Hudud Laws*. Kajian ini secara umumnya melihat Islam dan kesannya ke atas negara-negara di Asia Tenggara. Manakala penulisan Shad Saleem Faruqi pula menyentuh perdebatan mengenai status Malaysia sama ada sebagai sebuah negara Islam ataupun negara sekular. PAS bersetuju bahawa perlembagaan Malaysia kini adalah sekular dan perlunya untuk menukar undang-undang asas yang ada agar Malaysia menjadi sebuah negara Islam, akan tetapi UMNO menyatakan bahawa Malaysia sebenarnya telahpun menjadi sebuah negara Islam. Perkara ini dibuktikan melalui Perlembagaan Persekutuan dan negeri Malaysia yang telahpun dipenuhi oleh ciri-ciri Islam.<sup>18</sup> Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan perspektif UMNO

---

<sup>17</sup> Riduan Mohd. Nor, *Pengaruh Pemikiran Ikhwanul Muslimin Terhadap Parti Islam Se-Malaya (PAS)*, (t.p.), 2004, hlm. 59.

<sup>18</sup> Shad Saleem Faruqi, *The Malaysian Constitution the Islamic State and Hudud Laws*, dalam *Islamic in Southeast Asia: Political Sosial and Strategik Challenges for the 21st Century*, (ed.), K.S Nathan dan Mohammad Hashim Kamali, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2005, hlm. 265.